

# Mengenai usul gubal undang-undang antilompat parti: Ke mana arah ke hadapan

## Pengenalan

Baru baru ini, usul mengenai antilompat parti telah dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha DUN Selangor (akhir bulan Jun 2020). Oleh sebab peralihan politik yang mendadak yang berlaku di negara dan beberapa negeri, kepercayaan rakyat kepada sistem demokrasi telah terjejas mengikut peristiwa - peristiwa sebelumnya

Sebelum mengkaji tatacara yang betul untuk mengendali isu penukaran parti atau gabungan politik di kalangan ahli DUN (ADUN), pihak kami telah mengkaji secara umum sebab – sebab seorang ahli politik bertukar dari parti sendiri. Sebab – sebab di bawah:

1. Dasar persendirian yang dipegang oleh ADUN
2. Dasar parti politik
3. Keupayaan parti politik untuk mempengaruhi pelaksanaan dasar
4. Keupayaan seorang ADUN untuk mempengaruhi pelaksanaan dasar
5. Meningkatkan kedudukan ADUN dalam tangga politik
6. Insentif yang telah ditawarkan oleh sesetengah parti

Dalam kajian isu lompat parti, pergerakan ahli politik di DUN boleh dirumuskan kepada tiga jenis:

1. Parti A ke Parti B
2. Parti A ke Bebas
3. Bebas ke Parti A/B

Lebih lebih lagi, parti politik (secara keseluruhan) bergerak dari satu pakatan politik ke pakatan politik lain. Dalam konteks ini, kebiasaannya seseorang pengundi memilih ADUN mereka atas beberapa sebab – calon, parti atau/dan gabungan politik. Tambahan pula, terdapat satu kekangan dalam undang – undang tubuh Kerajaan Selangor di mana seseorang ADUN yang letak jawatan dalam penggalnya dilarang untuk berlayak untuk menjadi ADUN bagi lima tahun di hadapan. Ini merupakan satu kekangan untuk sesetengah ADUN untuk menguji tindakan mereka yang bertukar parti dengan sokongan pemilih

Dengan pengkajian sebab – sebab tukar parti, pola pertukaran parti, tindakan pengundi dan undang – undang Malaysia, pihak kami ingin memberi dua cadangan yang patut dibahaskan dan dilaksanakan pada peringkat DUN Selangor

## Pilihan 1: Konsep AntiLompat Parti yang terhad

Secara amnya, undang – undang antilompat parti menyebabkan seseorang ADUN untuk kehilangan kerusi apabila ADUN tidak bersama lagi dengan parti asalnya (di mana beliau telah menang atas tiket parti tersebut). Di dunia, terdapat beberapa jenis undang – undang tersebut kerana beberapa sebab seorang ahli politik kehilangan kelayakan mereka dalam badan perundangan iaitu:

1. Seseorang ahli politik (atau ADUN untuk Negeri Selangor) melepaskan keahilannya daripada parti asal mereka sewaktu penggal
2. Seseorang ahli politik (atau ADUN untuk Negei Selangor) menukar parti sewaktu penggal
3. Seseorang ahli politik (atau ADUN untuk Negeri Selangor) yang dibuang keahilannya daripada parti asal

Penyokong – penyokong undang – undang antilompat parti menyatakan bahawa undang – undang mengukuhkan konsep parti, mengukuhkan prinsip akauntabiliti dan memelihara mandat pengundi. Kesan undang – undang ini adalah serta merta dan mengundang satu pilihan raya kecil untuk kawasan DUN tersebut

Akan tetapi, undang – undang antilompat parti yang merangkumi sebab perletakan jawatan, menukar parti dan dibuang oleh parti akan mengekang kebebasan seseorang ADUN untuk melaksanakan dasar yang terbaik untuk rakyat. Ini menyebabkan parti politik lebih berkuasa dalam hubungan mereka dengan ADUN- ADUN sendiri dan menjadikan DUN Selangor satu badan perundangan setem getah

Pihak kami mencadangkan undang – undang konsep antilompat parti yang terhad dan berikut adalah ciri – cirinya:

1. Undang – undang ini menyebabkan kekosongan kerusi DUN apabila ADUN sendiri melepaskan keahilannya daripada parti asalnya (sama ada untuk menjadi bebas atau bertukar parti)
2. Memansuhkan halangan dalam Artikel LXIV (5) – dalam seksyen Kehilangan kelayakan menjadi ahli Dewan Negeri. Seseorang ADUN perlu diberikan kebebasan untuk bertanding selepas melepaskan keahilannya dalam Dewan Negeri dalam penggalnya. Ini membenarkan seseorang ADUN menguji tahap sokongannya dengan pengundi mengenai tindakannya (sama ada penukaran parti atau hal lain)

Pihak undang – undang Negeri patut diundang untuk mengkaji konsep ini untuk mengelakkan cabaran undang – undang dari Perlembagaan Malaysia

## Pilihan 2: Pilihan Raya Tarik Balik ADUN

Pilihan ini membenarkan pengundi dan parti politik untuk menentukan sama ada tindakan lompat parti oleh ADUN boleh diterima di kalangan pengundi. Pilihan ini mempunyai dua bahagian utama iaitu:

1. Pilihan raya tarik balik dimulakan apabila bilangan kutipan tandatangan pengundi yang sah telah mencapai peratusan minima yang ditetapkan oleh DUN Selangor
2. Pengendalian pilihan raya tarik balik untuk menentukan sama ada pengundi mahu menyimpan atau membuang ADUN tersebut

Berikut adalah satu tatacara yang dicadangkan:

1. Mana – mana pengundi di Selangor yang berumur 18 tahun dan keatas mempunyai hak untuk memulakan proses ini. Dia harus membuat satu petisyen bertulis (untuk menarik balik ADUN) dengan pihak menguruskan proses pilihan raya (contohnya, SPR) dan kata – kata petisyen disahkan oleh SPR
2. Selepas petisyen disahkan oleh SPR, tandatangan pengundi yang menyokong petisyen (untuk tarik balik ADUN) boleh dikutip. Empat bulan diberikan untuk mengutip tandatangan pengundi di kawasan DUN tersebut
3. Proses pilihan raya tarik balik hanya dilaksanakan apabila 10% daripada pengundi satu DUN telah memberi tandatangan sah untuk petisyen tarik balik ADUN. SPR akan mengesahkan kesahihan tandatangan tersebut
4. Seseorang ADUN akan kehilangan kelayakan dalam DUN Selangor apabila 50% daripada jumlah pengundi yang didaftarkan dalam DUN tersebut membuang undi dan 50% + 1 daripada pengundi yang hadir ingin membuang ADUN tersebut

5. Jika ADUN tersebut kehilangan kelayakan tersebut, satu pilihan raya kecil diadakan dan ADUN yang dibuang diberi peluang untuk bertanding semula
6. Jika ADUN tersebut tidak kehilangan kelayakan tersebut, proses pilihan raya tarik balik ADUN tidak boleh dilaksanakan pada ADUN tersebut sehingga akhir penggal

Beberapa perkara patut dikaji dalam pelaksanaan pilihan ini. Kesediaan untuk Negara atau negeri untuk memperuntukkan belanjawan untuk proses pilihan raya tarik balik ADUN dan pilihan raya kecil kemudiannya. Kedua, pihak undang – undang negeri yang bertauliah patut diundang untuk mengkaji bagaimana untuk meletakkan prinsip – prinsip dalam perlembagaan negeri

#### Rumusan

Pihak kami ingin memohon YB/YAB untuk mengkaji cadangan-cadangan di atas dan membahaskannya dalam DUN Selangor. Pihak kami bersedia untuk memberi penerangan mengenai kedua-dua tatacara jika ada persoalan. Kerjasama dan keprihatinan YB/YAB mengenai perkara ini amat dihargai

Sekian, terima kasih

Danesh Prakash Chacko

Pengarah

TindakMalaysia Network Services PLT LTD

[danesh@tindakmalaysia.com](mailto:danesh@tindakmalaysia.com)

13 JULAI 2020

